

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
5 Mei 2026

SD Guthrie Melancarkan ELAEIS GARDENS

Ladang-ladang sawit yang dahulunya kawasan tertutup kini dibuka menampilkan keindahan lanskap alam semulajadi yang sedia diterokai melalui empat teras utama: Penginapan, Sajian, Sukan Golf serta Pengalaman yang mengujakan

Petaling Jaya, 5 Mei 2026 – SD Guthrie Berhad (Guthrie) hari ini melancarkan “ELAEIS GARDENS”, destinasi eko-pelancongan berwajah baharu yang menawarkan pengalaman imersif berteraskan alam semula jadi, warisan dan lanskap perladangan sawit lestari.

Pelancaran tersebut sekaligus memberi akses kepada ladang-ladang sawit Guthrie yang sebelum ini beroperasi sebagai premis persendirian dan menawarkan lanskap keindahan alam semulajadi yang sedia diterokai oleh orang ramai melalui empat teras utama: Penginapan, Sajian, Sukan Golf dan Pengalaman yang mengujakan. Ia turut mencerminkan komitmen Guthrie terhadap ketelusan serta kesediaan untuk berkongsi peluang melihat sendiri amalan kelestarian yang dilaksanakan oleh syarikat tersebut kepada orang ramai.

Dengan slogan jenama ‘Di Sisi Alam’ (*Alongside Nature*), ELAEIS GARDENS turut mencerminkan kepercayaan Guthrie bahawa operasi perindustrian boleh dibangunkan seiring dengan pemuliharaan alam sekitar. Melalui pendekatan tersebut, ELAEIS GARDENS menawarkan ruang kepada para pengunjung untuk berehat sambil mendekati alam semula jadi, serta memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang pengeluaran minyak sawit yang dilaksanakan secara lestari.

Nama Elaeis diambil daripada *Elaeis guineensis*, genus saintifik kelapa sawit, yang menjadi lambang asal-usul Guthrie dalam industri sawit, serta kebanggaan syarikat tersebut terhadap hasil pertanian sawit yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan Malaysia selama lebih satu abad. Jenama baharu tersebut turut menampilkan identiti yang mesra dan menyenangkan, mengimbangi bentuk struktur pelepah sawit dengan kelembutan sebuah taman—menandakan peralihan daripada pintu tertutup kepada hospitaliti terbuka.

Mohd Haris Mohd Arshad, Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie, berkata penjenamaan semula ELAEIS GARDENS menyerlahkan komitmen syarikat tersebut kepada sifat terbuka, pemeliharaan alam semulajadi secara bertanggungjawab, serta keterlibatan masyarakat.

“ELAEIS GARDENS adalah evolusi cara kami berkongsi keindahan lanskap ladang dan sejarah syarikat kami. Jenama ini menzahirkan komitmen Guthrie terhadap eko-pelancongan yang bertanggungjawab dan hubungan yang erat dengan masyarakat. Ia turut mencerminkan kepercayaan kami bahawa operasi perladangan sawit berskala besar boleh diimbangi bukan sahaja dengan keprihatinan terhadap alam semulajadi, malah juga pendidikan serta layanan hospitaliti yang berkualiti.

“Bersesuaian slogan ‘Di Sisi Alam’, kami membuka keindahan lanskap ladang-ladang kami sebagai ruang untuk pembelajaran, mengeratkan hubungan dan menggalakkan penerokaan, sambil kami terus beroperasi dan mengekalkan piawaian tertinggi dalam

pengeluaran minyak sawit lestari. Warisan yang dahulunya dipelihara kini dibuka untuk dikongsi dan dinikmati bersama orang ramai,” katanya.

ELAEIS GARDENS merangkumi sembilan destinasi di seluruh Malaysia yang menawarkan pelbagai pengalaman mengujakan, bersesuaian dengan pelbagai gaya hidup dan minat berbeza. Lokasi sulung dan utamanya adalah di Pulau Carey, Selangor, yang menampilkan banglo-banglo warisan untuk penginapan tetamu, ruang acara, padang golf 18 lubang, program “Kenali Minyak Sawit”, sebuah muzium serta restoran Dapo Carey.

Lokasi-lokasi lain termasuklah di Merlimau dan Eco Retreat di Melaka, Sua Betong di Negeri Sembilan, Tangkak dan Layang-Layang di Johor, Kelab Golf Dublin di Kulim, Kedah, Rajawali di Bintulu, Sarawak, serta Tasik Impian di Kunak, Sabah. Para pengunjung boleh menikmati masakan asli Malaysia di Dapo Carey dan Dapo Devon di Melaka, serta menikmati penginapan di bangunan-bangunan warisan atau yang dikelilingi keindahan alam semula jadi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Mengenai SD Guthrie Berhad

Mengenai SD Guthrie Berhad SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja hampir 83,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian “Beyond Zero”, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 232 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 10 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM43.50 billion (USD10.98 billion) setakat 4 May 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-326 8373 | E-mail: michael.murty@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com